

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betulnya.

Kosa Kata Aros R

- 1 I *Luas* tanah kepunyaan Pak Kadir itu kira-kira dua ekar.
II Halaman rumah Haji Zainal *luas* benar.
III Pembinaan kilang simen itu membuka peluang pekerjaan yang *luas* kepada penduduk setempat.
IV Sekumpulan mahasiswa sedang membuat kajian tentang penggunaan media sosial secara *luas* dalam kalangan remaja.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
- 2 I Teguran Encik Hisham *menerima* oleh Aiman dengan fikiran terbuka.
II Penduduk Kampung Jati enggan *menerima* kedatangan orang asing itu.
III Dia *menerima* sepucuk surat daripada pihak hospital.
IV Encik Siva telah *menerima* tawaran untuk bekerja di sebuah syarikat pembinaan.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
- 3 I “Kalau *mengenai* harganya, saya akan menjual kereta itu,” kata Encik Zamani.
II Pihak penganjur *mengenai* bayaran yang rendah kepada murid-murid yang ingin menyertai kem itu.
III Anak panah yang dilepaskan oleh pemanah dari Korea Selatan itu tepat *mengenai* sasaran.
IV Penyakit difteria mudah *mengenai* kanak-kanak berbanding dengan orang dewasa.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
- 4 I Akmal cuba *menjalankan* mesin itu tetapi tidak berjaya.
II Saif tidak berasa susah untuk *menjalankan* tugasnya sebagai seorang buruh binaan.
III Mereka *menjalankan* persahabatan sejak empat tahun lalu.
IV Encik Wong *menjalankan* pemeriksaan kesihatan di sebuah hospital swasta.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
- 5 I Kakak tidak lalu hendak menelan ubat yang *pahit* macam hempedu itu.
II Betapa *pahitnya* kehidupan Uwais sekeluarga sejak ayahnya diberhentikan kerja.
III Peristiwa *pahit* itu masih segar dalam ingatan Kumar.
IV Pak Hassan mengambil *pahit* lalu mengukir kepala katil itu.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
- 6 I Pokok mangga di belakang rumah Mak Munah sungguh *rendah*.
II Kenaikan harga barang membebankan masyarakat terutamanya golongan yang berpendapatan *rendah*.
III Danial sering dipandang *rendah* oleh saudara-maranya kerana dia kurang berpelajaran.
IV Sikap Muaz yang selalu *rendah* diri itu menyebabkan dia disukai oleh rakan-rakannya.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

- 7 I Puan Hidayah membeli beberapa jenis bahan *membaca* di kedai itu.
 II Karina duduk di tepi tingkap sambil *membaca* novel.
 III Pekerja itu sedang *membaca* meter elektrik di rumah Puan Zaleha.
 IV Daripada tutur kata Chitra, saya dapat *membaca* hati budinya.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja
- 8 I Beruk itu *menjatuhkan* beberapa biji kelapa tua.
 II Musuh-musuh Datuk Lutfi sentiasa cuba *menjatuhkan* nama baik beliau.
 III Hakim *menjatuhkan* hukuman penjara selama lapan tahun terhadap pesalah itu.
 IV Si Comel *menjatuhkan* ke dalam longkang semasa mengejar tikus.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja
- 9 I Dengan gerak yang *lemah*, Hadif berjalan ke bilik air.
 II Orang yang *lemah* dalam membuat keputusan tidak layak menjadi ketua.
 III Sebagai manusia biasa, kita mempunyai berbagai-bagai *lemah*.
 IV Pekebun itu duduk di bawah sebatang pokok untuk melepaskan *lemah*.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja
- 10 I Penduduk Kampung Kelapa Condong masih *memegang* pada adat lama.
 II Li Jun terkejut apabila Irfan *memegang* bahunya.
 III Seluruh pasukan tentera itu *memegang* senapang.
 IV Encik Lingam *memegang* jawatan sebagai akauntan di sebuah syarikat insurans.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja
- 11 I Rumah *kecil* di hujung kampung itu sudah lama kosong.
 II Encik Lim mendukung seorang anak *kecil*.
 III Hanya sebilangan *kecil* mangsa banjir yang masih berada di balai raya itu.
 IV "Jangan sesekali *kecil* kebolehan orang lain," kata Pak Leman kepada anaknya.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja
- 12 I Abang membiarkan air paip *memenuhi* kolah itu.
 II Mereka yang berkecualan boleh mengemukakan permohonan bagi *memenuhi* jawatan setiausaha di syarikat itu.
 III Dia melamar anak gadis ketua kampung untuk *memenuhi* permintaan ibunya.
 IV Penduduk kampung *memenuhi* dewan itu dengan kerusi.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja